


GETTING TO KNOW THE ATTORNEY GENERAL OF MALAYSIA YBHG. TAN SRI TOMMY THOMAS



A very good morning YBhg. Tan Sri. First and foremost, on behalf of the Judicial and Legal Training Institute (ILKAP) and the ILKAP's E-News Letter (Insight) 2/2019, we thank you for allocating your time for this Interview session.

Before we start, perhaps I could briefly inform YBhg. Tan Sri a general information on Insight ILKAP. It is a publication by ILKAP prepared and published biannually. The aims of Insight ILKAP are to share articles by officers of ILKAP as well as reporting other activities; not just the training programmes, which are conducted by ILKAP from time to time during the first half and second half of that particular year.

Now, if I may continue with the Interview.

First of all, maybe YBhg. Tan Sri can share with the readers about your personal background, your family, education and life in general?

I was born in Kuala Lumpur in 1952 in a family of five: my parents, my younger brother and my younger sister. Both my parents have passed away, but during their lifetime my father was a Technical Assistant in Public Works Department (now known as Jabatan Kerja Raya Malaysia) and my mother was the Head of Department and an Associate Professor for Parasitology in the Faculty of Medicine, University of Malaya.

I was brought up in Kuala Lumpur. I had my primary and secondary education in Pasar Road English School and Victoria Institution. It was during my time in Victoria Institution in the mid-60's that I became interested in studying law after participating in debates. I read law at the University of Manchester and became a barrister (Middle Temple). Finally, I completed a Masters Degree in International Relations at the London School of Economics.



GETTING TO KNOW THE ATTORNEY GENERAL OF MALAYSIA YBHG. TAN SRI TOMMY THOMAS

What about YBhg. Tan Sri's career background?

I chambered in Skrine & Co., and was called to the Bar in 1976. I remained in Skrine & Co. until 2000 when another partner in Skrine and I opened our own legal firm; Tommy Thomas Advocates & Solicitors. Throughout my 42 years in the Bar, I have acted as counsel (barrister). I specialized in corporate, commercial and public law litigation.

In Skrine, I was blessed in having 2 outstanding mentors, Stanley Peddie and Peter Mooney. They were among Malaysia's leading barristers from the 1960's to the 1980's.

Do you remember one of the best things that you learned from them?

Sheer hard work and very little reliance on others. When I was junioring Stanley and Peter, my contribution was minimal because they did all the preparation!!

I find a sports analogy to be most accurate. Singles in badminton or tennis. You should try to be either "Lee Chong Wei" or "Roger Federer". Litigation is not a team sport!

A barrister does "solo" work. A barrister should always know his / her case well and prepare thoroughly to be able to present the case in court.

In terms of the legal fraternity and your experience from working in the private sector to working in the public sector, perhaps YBhg. Tan Sri can share with the readers about the difference of these two worlds?

If you are in the private sector, your clients can terminate your services at any given time without

giving reasons. It is very tough because you have to survive in a competitive environment. It is after all a service profession where you have to deliver according to the clients' demands. There are even times when after having won a case for your client, your service are terminated.

As for the public sector, our legal officers should always remember that although the Government of the day is our client, our "real" clients are the people of Malaysia.

Perhaps this is the biggest difference.

In YBhg. Tan Sri's view, having experienced working in both the private sector and the public sector, what is the hardest boulder to overcome as a legal officer for the government, whether he/she is posted in the prosecution, advisory or the legislative sector?

We should not work in "silos" and avoid being too compartmentalised. We should share knowledge. The Attorney General's Chambers is the biggest law firm in Malaysia. We have a large "specialisation community", so we should positively exploit that specialisation in order to improve ourselves.

With YBhg. Tan Sri's vast experience in the legal fraternity, perhaps you can share your tested and true motto / aspirations that you hold by until now?

Work hard and be honest. This is to say that not only the hours of working should be lengthy, but productivity is even more important.

Considering that ILKAP is the Institute that provides training for all the judicial and legal officers in Malaysia, perhaps YBhg. Tan Sri could kindly give an advice to ILKAP on how to improve the quality of training for all the judicial and legal officers in Malaysia?

GETTING TO KNOW THE ATTORNEY GENERAL OF MALAYSIA YBHG. TAN SRI TOMMY THOMAS

ILKAP should have courses incorporating basic information and general aspects of work. For instance, try to include brief talks on the need to have integrity and honesty. Next, ILKAP, should from time to time, conduct courses that remind participants about basic information on a particular subject of law. For example, on the law of contract, what are the fundamental principles of this area of law? Or if it is on criminal law, what are the basic elements for prosecution to know. Lastly, ILKAP can conduct a more specialised courses like courses on AMLA (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [Act 613]) or Human Trafficking.

Lastly, just to end this Interview with a light-hearted question, can YBhg. Tan Sri share with the readers about your hobby? And what would you want to do most this upcoming weekend?

I am a sportsman. When I was young I was not talented but loved running around and being a nuisance in the field. I enjoy rugby, football and cricket. What I am looking forward to this weekend is relaxing a little, resting my mind, and having friends visit.

Wonderful and with that sweet ending, on behalf of ILKAP and Insight ILKAP's team, I would like to humbly thank YBhg. Tan Sri for allowing us the time to do this Interview.

We are also honoured to extend our warm welcome to YBhg. Tan Sri if you would like to visit ILKAP.

Thank you and hopefully you will have a well-rested weekend.

Interviewer:

Ms. Ainnan Mohd Rasid

Legal Officer

Research and Innovation Unit, ILKAP



Special thanks to:

YBhg. Dato' Anita Harun

Director General of ILKAP

YBrs. Mr. Hamidun Datuk Haji Abdul Fatah

Deputy Director General of ILKAP

MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM – SIRI 1

Disediakan oleh: Tn. Mazlan bin Yahya

Pendahuluan

Perkhidmatan Awam Malaysia adalah merupakan sumber tenaga kerja yang terbesar di Malaysia dan keanggotaan ahlinya adalah termaktub dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan (“Perlembagaan Persekutuan”). Setiap pekhidmat awam memegang jawatan apabila diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong di bawah Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Saiz perkhidmatan awam Malaysia masih ideal dan tidak terlalu besar berbanding dengan negara lain dengan jumlah seramai 1.6 juta orang¹.

Setiap hak pekhidmat awam adalah dilindungi, sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan. Fasal (1) Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun anggota mana-mana perkhidmatan yang disebut dalam perenggan perenggan (b) hingga (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa yang rendah daripada pihak berkuasa yang melantik, pada masa pembuangan kerja atau penurunan pangkat itu. Proses lantikan pekhidmat awam dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan pihak berkuasa melantik lain yang melaksanakan urusan pelantikan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, badan berkanun persekutuan, pihak berkuasa tempatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Kegagalan memahami masalah kesihatan mental

Selain itu, dapatan daripada suatu kajian yang telah dijalankan mengenai masalah kesihatan mental menunjukkan bahawa masih ramai responden mempunyai pengetahuan yang rendah dan tidak jelas berhubung dengan isu-isu yang menyentuh masalah kesihatan mental. Sekiranya responden tidak memandang masalah kesihatan mental sebagai satu masalah yang perlu

ditangani dengan segera, dikhawatiri ia akan membawa kepada masalah yang lebih besar seperti kemurungan dan masalah mental lain. Antara kesan masalah kesihatan mental yang gagal difahami secara umumnya oleh pekhidmat awam adalah masalah kesihatan mental boleh membahayakan kesihatan dalam jangka masa panjang.

Antara kesan lain adalah kegagalan memahami masalah kesihatan mental yang merupakan pembunuh senyap. Ini kerana kesan yang dikenal pasti adalah masalah kesihatan mental secara senyap boleh membawa kepada seseorang pekhidmat awam memilih jalan untuk membunuh diri. Perbuatan membunuh diri yang berlaku sebenarnya adalah suatu manifestasi kepada keadaan individu yang berada dalam masalah kesihatan mental yang melampau dan tiada ruang penyelesaian. Oleh itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam perlu lebih banyak melaksanakan program advokasi dan kesedaran untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada penjawat awam mengenai masalah kesihatan mental dan kesannya.



¹- Saiz Perkhidmatan Awam Malaysia masih ideal. Nasional. Berita. Berita Harian. Rabu, 14 Ogos 2019 | 7:39 malam

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/596164/saiz-perkhidmatan-awam-malaysia-masih-ideal>. 11 Oktober 2019.

MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM – SIRI 1

Masalah kesihatan mental

Masalah kesihatan mental adalah apa-apa bentuk tuntutan sama ada yang bersifat fizikal atau psikologikal yang dialami dalam kehidupan². Tekanan perasaan terhasil apabila kuasa luaran bertindak ke atas sebuah struktur, sistem atau organisma dan mengganggu keseimbangan atau menghasilkan tekanan. Bagi maksud konteks ini, tekanan merujuk kepada tekanan perasaan terhasil diakibatkan sebarang faktor emosi, fizikal, sosial, ekonomi atau faktor-faktor lain yang memerlukan tindak balas atau perubahan. Tekanan yang berlaku jika melebihi jumlah yang mampu ditanggung akan mengakibatkan perubahan mental dan fizikal yang akan menjadi tekanan yang negatif.³ Di bawah takrifan Kamus Dewan, tekanan membawa maksud sesuatu desakan atau paksaan yang diterima oleh seseorang manakala kamus *Oxford Advanced Learner's* (1983) mendefinisikan tekanan sebagai *pressure; condition causing hardship, disquiet*. Seyle (1964) adalah orang yang pertama menggunakan terma “tekanan” dan mendefinisikannya sebagai satu set fizikal dan psikologikal yang bertindak balas kepada keadaan dan pengaruh yang sebaliknya.⁴

Faktor dan punca tekanan kerja

Para penyelidik telah mengenal pasti dan mengkategorikan punca-punca tekanan kerja kepada beberapa faktor. Mereka telah mengkategorikan punca-punca tekanan kerja kepada lima (5) faktor iaitu—

- intrinsik kepada pekerjaan;
- peranan individu dalam organisasi;
- pembangunan kerjaya;
- perhubungan di tempat kerja; dan
- struktur dan iklim organisasi.⁵

Selain itu, terdapat beberapa faktor yang berpotensi mewujudkan tekanan kerja seperti faktor individu, organisasi dan persekitaran. Faktor-faktor tersebut boleh mendatangkan kesan kepada tahap tekanan di kalangan pekerja dalam sesebuah organisasi.

Tekanan boleh memberikan kesan positif dan negatif kepada pekerja dan organisasi. Kesan positif tekanan akan menghasilkan satu dorongan atau motivasi untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti. Kesan negatif pula boleh menjejaskan prestasi dan produktiviti pekerja dan organisasi secara keseluruhannya.⁶ Tekanan kerja yang berlebihan akan memberi kesan kepada pekerja dan organisasi yang akan menyebabkan berlaku ketidak hadiran bertugas ke pejabat, menyebabkan pekerja menjadi tidak sihat, masalah ketagihan alkohol, politik dalaman organisasi, keputusan yang diberikan dalam tugas menjadi tidak bagus, mendatangkan sikap acuh tak acuh dan sikap tidak peduli, pekerja kurang bermotivasi atau kreativiti serta inovatif.



²./ibid.

³ <http://www.mm Gazette.com/tekananperasaanditempatkerjadrlimjacfang/> di akses pada 15 Mei 2015.

⁴ Zaharin Bin Hj Othman. Faktor Tekanan Di Tempat Kerja. Institut Perakaunan Negara. Artikel. Bahagian Penulisan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

<http://km.anm.gov.my/Artikel/Faktor%20tekanan%20di%20tempat%20kerja.aspx> . 11 Oktober 2019.

⁵./ibid.

⁶./ibid.

MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM – SIRI 1

Penyumbang kepada masalah mental

Tekanan kerja boleh diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori iaitu kesan yang mempunyai simptom ke atas fisiologikal, psikologikal dan tingkah laku. Kesan dan simptom fisiologikal ini pula dibahagikan kepada kesan jangka pendek seperti sakit kepala dan kesan jangka panjang seperti ulser, tekanan darah tinggi dan serangan jantung serta kesan tidak menentu seperti mengalami perut berasid. Kesan psikologikal pula seperti mengalami *apathi*, menjadi pelupa, perasaan ketidakpuasan hati dan terganggu.⁷

Kesan dari segi tingkah laku pula antaranya adalah kehilangan selera makan, kekurangan atau pertambahan berat badan, perubahan dalam tabiat merokok, perubahan dalam tabiat meminum minuman keras dan perubahan mendadak dari segi rupa paras diri. Perlu diketahui bahawa hampir semua sistem dalam badan terlibat untuk bertindak balas terhadap tekanan. Walau bagaimanapun, tindak balas oleh sistem kardiovaskular, penghadaman dan otot-otot adalah yang paling ketara. Tindak balas ini dikenali sebagai melawan atau menghindar. Tanpa mengira jenis

tekanan yang dialami, badan bertindak balas dengan cara yang serupa iaitu penyaluran darah yang meningkat kepada jantung dan otot-otot, meningkatkan tekanan darah dan mengeluarkan adrenalin ke dalam sistem badan. Sistem penghadaman menjadi perlahan manakala otot-otot menjadi tegang kerana bersedia untuk bertindak atau melawan.⁸

Selanjutnya, dari segi kesan atau impak pula, gejala tekanan boleh diklasifikasikan kepada dua (2) bahagian iaitu kesan kepada individu dan kesan kepada organisasi. Kesan kepada individu pula dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu kesihatan fisiologikal, psikologi dan tingkah laku manakala kesan ke atas organisasi pula adalah masalah ponteng kerja, penurunan dalam prestasi kerja, motivasi berkurangan, tiada kepuasan atau keseronokan bekerja dan permusuhan sesama pekerja.⁹

[Artikel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dan akan diterbitkan dalam beberapa ILKAP E-News Letter (INSIGHT) yang akan datang]



⁷.Ibid

⁸.Ibid

⁹.Ibid

PERKHIDMATAN TEKSI MOTOSIKAL GOJEK – APA PERMASALAHANNYA DI MALAYSIA?

Disediakan oleh: Ahmad Sanusi bin Haji Yahaya, ILKAP

Syarikat Indonesia iaitu PT Aplikasi Karya Anak Bangsa telah memulakan perkhidmatan teksi motosikal untuk mengangkut penumpang secara seru tunggang (*ride hailing*) dikenali sebagai “GoJek” pada tahun 2010 di Indonesia. Sejak itu, GoJek juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan kereta, perkhidmatan gaya hidup, perkhidmatan pembayaran dalam talian, perkhidmatan penghantaran makanan dan membeli-belah barangan runcit serta produk kecantikan secara dalam talian yang dikenali sebagai *GoCar*, *GoFood*, *GoMassage*, *GoClean*, *GoGlam*, *GoTix*, *GoPulsa*, *GoSend*, *GoDeal* dan lain-lain. Kesemua perkhidmatan GoJek ini dijalankan menerusi platform “*super-apps*” yang dibangunkan sendiri oleh PT Aplikasi Karya Anak Bangsa dan disokong oleh syarikat-syarikat IT ternama seperti Tencent Holding, JD.com Inc., Google dan KKR & Co.


Walaupun wujud lebih lama daripada perkhidmatan teksi *e-hailing* Grab yang mula beroperasi pada tahun 2012, GoJek hanya mulai berkembang di luar Indonesia pada tahun 2018. Kini, perkhidmatan teksi motosikal GoJek aktif di negara jiran serantau seperti Thailand dan Vietnam manakala pada pertengahan tahun 2019, GoJek berjaya memasuki pasaran Singapura. Menerusi laman sesawangnya, GoJek mendakwa bahawa mereka telah beroperasi di 50 bandar raya di seluruh Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, GoJek gagal menembusi pasaran Filipina.

Malaysia juga tidak ketinggalan menarik perhatian PT Aplikasi Karya Anak Bangsa dalam melebarkan jaringan perkhidmatan teksi motosikal mereka di rantau Asia Tenggara ini. Dalam satu kunjungan pihak PT Aplikasi Karya Anak Bangsa bertemu Menteri Pengangkutan Malaysia YB Anthony Loke pada bulan April 2019, pihak PT Aplikasi Karya Anak Bangsa telah menyatakan hasrat mereka untuk beroperasi di Malaysia dalam masa yang terdekat.

Setakat ini, pendirian pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia adalah mengalu-alukan kehadiran perkhidmatan GoJek sebagai suatu peningkatan pelaburan asing dan mewujudkan persaingan yang sihat antara pengendali perkhidmatan pengangkutan *e-hailing* di Malaysia. Selain itu, perkhidmatan ini juga dikatakan sebagai alternatif kepada pengguna yang tidak mahu terkandas perjalanan dalam kesesakan jalan raya dan dengan tambang yang jauh lebih murah berbanding teksi atau *e-hailing* Grab. Perkhidmatan ini juga akan memberikan peluang kepada ramai golongan muda yang memiliki motosikal untuk menambah sumber pendapatan mereka. Kabinet Malaysia juga dikatakan sebagai bersetuju dari segi prinsip untuk GoJek beroperasi di Malaysia, tertakluk kepada beberapa perkara yang harus diperhalusi oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia terutamanya perkara yang melibatkan hal-hal perundangan dan keselamatan.

Ekoran daripada laporan akhbar dan media berhubung pendirian YB Menteri Pengangkutan Malaysia dan Kabinet Malaysia tersebut telah mencetuskan kegusaran kepada beberapa pihak terutamanya pengusaha syarikat dan pemandu teksi di Malaysia. Rata-rata berpendapat bahawa keberadaan GoJek di Malaysia akan menjejaskan perkhidmatan teksi dan kereta sewa bandar dengan lebih teruk berbanding apabila perkhidmatan teksi *e-hailing* Grab beroperasi sepenuhnya di Negara ini. Antara pihak yang lantang bersuara adalah Gabungan Teksi SeMalaysia, persatuan-persatuan pemilik dan pemandu teksi seperti Persatuan Pemilik Teksi Eksekutif Malaysia dan Persatuan Pemilik & Pemandu Teksi Wangsa Maju serta syarikat pengusaha teksi seperti Syarikat Big Blue Taxi Sdn. Bhd. Kebanyakan pendapat yang diutarakan bahawa sebarang cadangan untuk memperkenalkan perkhidmatan teksi motosikal seperti GoJek memerlukan kajian yang mendalam. Walaupun perkhidmatan tersebut dilihat dapat menjadi salah satu sumber pendapatan golongan muda namun kerajaan tidak seharusnya terburu-buru untuk melaksanakan sistem perkhidmatan berkenaan.

PERKHIDMATAN TEKSI MOTOSIKAL GOJEK – APA PERMASALAHANNYA DI MALAYSIA?



Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti faktor perundangan, faktor insurans dan yang paling penting adalah faktor keselamatan pengguna jalan terutamanya pengguna motosikal itu sendiri.


Pada awal bulan Januari 2019 yang lalu, pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya ("JKJR") telah mendedahkan statistik kemalangan jalan raya yang berlaku sepanjang tahun 2018 menunjukkan bahawa lebih 60% daripada 6,742 kes kemalangan maut jalan raya yang berlaku melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Statistik daripada Polis Diraja Malaysia ("PDRM") pada tahun 2018 pula menunjukkan hampir 550,000 kemalangan direkodkan dan daripada jumlah itu sebanyak 6,824 kes melibatkan kematian. Daripada angka itu, 65% jumlah kematian melibatkan penunggang motosikal dan pembonceng. Statistik-statistik tersebut jelas menunjukkan bahawa kenderaan motosikal mempunyai risiko kemalangan maut yang lebih tinggi berbanding jenis kenderaan lain di Negara ini. Tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan teksi motosikal GoJek telah mendapat tempat atau popular di beberapa negara lain terutama di Indonesia sendiri. Namun, dengan mengambil kira pendedahan statistik kemalangan maut jalan raya oleh pihak JKJR dan PDRM tersebut, adakah Malaysia perlu mengikut jejak langkah negara-negara jiran dan membenarkan pengoperasian perkhidmatan teksi motosikal seumpama GoJek tersebut? Persoalan ini perlu diteliti dengan rapi oleh pelbagai pihak yang berkepentingan di Negara ini.

Bagi penunggang (*rider*) pula terdapat faktor lain yang tidak kurang penting dan perlu dipertimbangkan oleh kerajaan seperti keadaan permukaan jalan raya yang kurang baik dan penggunaan laluan motosikal bersebelahan dengan lebuh raya sering menjadi tempat kemalangan motosikal yang utama akibat kurangnya penyelenggaraan. Kerajaan juga perlu mempertimbangkan risiko berlakunya kegiatan jenayah rompakan terhadap pembonceng atau gangguan seksual ketika menunggang motosikal memandangkan pengguna dan penunggang saling tidak mengenali antara satu sama lain. Di samping itu, tidak ketinggalan juga aspek pencemaran alam sekitar melalui pelepasan asap motor berpunca daripada bilangan motosikal teksi yang akan meningkat di atas jalan raya jika perkhidmatan teksi motosikal diperkenalkan. Dengan adanya perkhidmatan teksi motosikal ini, jalan-jalan raya dalam Negara ini dijangka akan menjadi lebih sesak daripada biasa dan sekali gus meningkatkan lagi risiko kemalangan jalan raya.



Sementara itu, faktor yang paling utama adalah faktor perundangan. Sebagaimana yang difahami, di Malaysia semua kenderaan berenjin yang digunakan di atas jalan raya sama ada sebagai pengangkutan awam atau persendirian perlu diinsuranskan dan mempunyai cukai jalan. Bagi kenderaan pengangkutan awam seperti bas, bas persiaran dan teksi, kenderaan-kenderaan ini

PERKHIDMATAN TEKSI MOTOSIKAL GOJEK – APA PERMASALAHANNYA DI MALAYSIA?



mempunyai polisi insurans kenderaan komersil yang disediakan oleh syarikat-syarikat insurans. Keperluan ini diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Setakat ini, tidak ada mana-mana pihak syarikat insurans di Malaysia yang menawarkan polisi insurans komersil ke atas motosikal. Ini mungkin disebabkan perkhidmatan komersil oleh motosikal tidak pernah wujud di Negara ini. Bagi motosikal persendirian, polisi insurans yang ada setakat ini terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu:

- (a) polisi insurans komprehensif;
- (b) polisi insurans pihak ketiga berserta kebakaran dan kecurian; dan
- (c) polisi insurans pihak ketiga.

Secara ringkasnya, polisi insurans komprehensif merupakan suatu skim polisi insurans yang membolehkan pihak syarikat penanggung insurans membayar apa-apa tuntutan kos kerosakan kenderaan dan kecederaan yang dituntut oleh pihak lain yang dilanggar oleh motosikal pemegang polisi, kos pembaikan kerosakan motosikal pemegang

polisi dan juga kos yang disebabkan oleh kebakaran atau kecurian bagi motosikal pemegang polisi.

Bagi polisi insurans pihak ketiga berserta kebakaran dan kecurian pula, pihak syarikat penanggung insurans akan membayar tuntutan kos kerosakan kenderaan dan kecederaan yang dituntut oleh pihak lain yang dilanggar oleh motosikal pemegang polisi. Polisi insurans sebegini tidak merangkumi apa-apa kos pembaikan kerosakan bagi motosikal pemegang polisi sendiri. Bagi polisi insurans pihak ketiga, pihak syarikat penanggung insurans hanya akan membayar tuntutan kos kerosakan kenderaan dan kecederaan yang dituntut oleh pihak lain yang dilanggar oleh motosikal pemegang polisi sahaja.

Antara terma dan syarat utama polisi insurans motosikal adalah penggunaan motosikal hanyalah bagi tujuan persendirian, pengangkutan untuk bekerja dan yang sah di sisi undang-undang sahaja. Jika kenderaan motosikal didapati digunakan bagi tujuan komersil atau bertambang atau untuk tujuan melakukan aktiviti jenayah, pihak insurans akan menafikan (*disclaim*) penanggungan mereka terhadap pemegang polisi.

Dalam keadaan sekarang, jika pemegang polisi memberikan perkhidmatan teksi motosikal yang bertambang dan berlaku apa-apa kemalangan yang menyebabkan kecederaan kepada pengguna atau pemboncengnya, maka syarikat insurans yang menanggung insurans motosikal tersebut akan menafikan tanggungan mereka dan tidak akan membuat apa-apa bayaran tuntutan terhadap pemegang polisinya. Ini adalah antara sebab Kerajaan tidak membenarkan perkhidmatan teksi motosikal yang dicadangkan dan diusahakan oleh sebuah syarikat tempatan yang dikenali sebagai *Dego-Ride*. Dalam keadaan ini, banyak pihak yang berasa hairan dengan keterbukaan Kerajaan terhadap perkhidmatan teksi motosikal GoJek yang berasal dari Indonesia itu.

Walaupun begitu, terdapat juga pihak yang menyokong keterbukaan Kerajaan tersebut. Kebanyakannya

PERKHIDMATAN TEKSI MOTOSIKAL GOJEK – APA PERMASALAHANNYA DI MALAYSIA?

berpandangan jika Kerajaan berhasrat untuk membenarkan pengoperasian perkhidmatan teksi motosikal, Kerajaan perlu menetapkan suatu dasar holistik bukan sahaja dari segi kesanggupan pihak syarikat insurans untuk menanggung insurans pemegang polisi insurans untuk motosikal yang digunakan bagi tujuan komersil, tetapi premium yang perlu dibayar oleh pemegang polisi perlulah tidak menjadi bebanan besar kepada penunggang teksi motosikal. Selain itu, perlu ada suatu garis panduan yang jelas dan langkah-langkah keselamatan yang mesti dipatuhi oleh penunggang teksi motosikal termasuk kompetensi penunggang seperti memiliki lesen vokasional PSV (*Public Service Vehicle*), topi keledar dan jaket keselamatan bermutu tinggi untuk pembonceng, penyelenggaraan motosikal berkala dengan PUSPAKOM dan sebagainya. Keadaan ini sama sahaja dengan perkhidmatan teksi *e-hailing* seperti Uber dan Grab yang hanya perlu menggunakan polisi insurans bagi kenderaan persendirian sahaja pada masa kedua-dua perkhidmatan tersebut dimulakan di Negara ini. Tidak hairanlah jika pada masa tersebut pihak persatuan-persatuan pemilik dan pemandu teksi di Negara ini mengutarakan rasa tidak puas hati dengan pengoperasian teksi *e-hailing* Uber dan Grab.

Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan perlu membuat pindaan kepada beberapa peruntukan di bawah Akta 333 bagi memastikan perkhidmatan teksi motosikal adalah selaras dengan undang-undang apabila ia disediakan dan digunakan di Negara ini. Pihak Kerajaan juga haruslah memastikan pihak-pihak yang berkaitan dengan industri terbabit menyediakan insurans yang sepatutnya bagi melindungi penunggang dan pembonceng teksi motosikal. Pihak penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan PDRM juga perlu melakukan proses pemantauan dan kawal selia secara konsisten terhadap penyedia perkhidmatan teksi motosikal terbabit supaya tiada mana-mana pihak yang melanggar sebarang peruntukan undang-undang sedia ada atau yang bakal diwujudkan kelak.

Di samping itu, pihak Kerajaan perlu mengadakan program kesedaran kepada pengguna mengenai hak-hak mereka dengan jelas dan langkah yang harus diambil oleh pengguna atau waris jika berlaku sebarang kejadian yang tidak


diingini bersabit dengan perkhidmatan teksi motosikal berkenaan. Sementara itu, pihak agensi Kerajaan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial, JKJR, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan persatuan-persatuan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia wajar dilibatkan dalam menjalankan kajian pelaksanaan perkhidmatan teksi motosikal bagi membantu Kementerian Pengangkutan Malaysia membuat keputusan yang tepat berhubung dengan perkara ini. Selain itu, pandangan daripada pihak Majlis Agama Negeri mengenai hukum menunggang motosikal antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram juga penting untuk diberikan perhatian bagi mengelakkan gejala sosial semakin berleluasa dalam masyarakat.

Sebagai kesimpulan, ramai di kalangan masyarakat berharap agar pihak Kerajaan membuat keputusan yang tepat berhubung dengan perkara ini. Sungguhpun niat Kerajaan adalah baik yakni untuk membantu meringankan beban kewangan dan memudahkan pergerakan rakyat, namun terdapat pelbagai risiko yang menunggu berkaitan dengan perkhidmatan teksi motosikal tersebut. Banyak pihak yang berharap agar Kerajaan memperbaiki dasar dan prasarana kemudahan pengangkutan awam sedia ada terlebih dahulu sebelum membawa masuk suatu perkhidmatan yang baharu. Bagi kebanyakan pihak, adalah tidak adil untuk Kerajaan menyamakan situasi di Malaysia dengan situasi di negara lain seperti Indonesia, Thailand atau Vietnam. Keadaan sosioekonomi, budaya dan adat adalah berbeza. Justeru itu, dalam perkara ini ramai yang berharap agar Kerajaan tidak berpegang kepada prinsip matlamat menghalalkan cara dalam membuat sebarang keputusan mengenainya



PENUBUHAN MALAYSIA

Disediakan oleh: Puan Nazuha binti Mohd Jai, ILKAP



Suatu akta yang dikenali sebagai Akta Malaysia 1963 (*The Malaysia Act 1963, 1963 Chapter 35*) merupakan Akta Parlimen United Kingdom yang digubal bagi menubuhkan sebuah persekutuan bernama Malaysia. Akta ini mula berkuat kuasa pada 31 Julai 1963.

Akta ini membolehkan Borneo Utara (kini dikenali sebagai Sabah), Sarawak dan Singapura bersekutu dengan negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu dan persekutuan yang baru ini dinamakan Malaysia.

Kesan daripada penggubalan Akta ini, kedaulatan dan bidang kuasa Ratu Elizabeth II ke atas Borneo Utara, Sarawak dan Singapura hendaklah dilepaskan dan terletak hak ke atas persekutuan yang baru ditubuhkan itu.

Selanjutnya, melalui Akta Malaysia No. 26 tahun 1963 yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Malaya, persekutuan yang dikenali sebagai Malaysia tertubuh secara rasminya pada 16 September 1963.

Persekutuan ini berubah keahliannya pada 9 Ogos 1965 apabila Singapura meninggalkan Malaysia.



Bapa Kemerdekaan Malaysia

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam ucapannya di Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961 telah membayangkan penubuhan sebuah negara yang melibatkan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah).

Penubuhan Malaysia adalah melalui Perjanjian Malaysia yang diadakan antara negeri-negeri tersebut dan penggabungan pelbagai dokumen termasuk Akta Malaysia 1963. Gabungan dokumen ini termasuklah syarat-syarat penyertaan dan peraturan perlembagaan terhadap Sabah dan Sarawak. Perjanjian Malaysia juga tertakluk kepada kemahuan negeri-negeri ini bagi membentuk Malaysia.

Persekutuan ini dilihat sebagai satu bentuk kerjasama dari segi politik dan ekonomi serta merupakan satu langkah untuk menyekat pengaruh komunis yang semakin menular dan menjejaskan kestabilan politik.

Suruhanjaya Cobbold

Pada 17 Januari 1962, sebuah suruhanjaya ditubuhkan dan suruhanjaya itu dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold.

Fungsi Suruhanjaya Cobbold adalah untuk meninjau pandangan penduduk negeri-negeri yang terlibat dalam

PENUBUHAN MALAYSIA



pembentukan Malaysia dan telah diwakili oleh lima (5) orang anggota yang dipengerusikan oleh Lord Cameron Cobbold serta dianggotai oleh dua (2) wakil Kerajaan British, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston, sementara wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pula terdiri daripada Tan Sri Wong Pow Nee dan Tun Mohd Ghazali Shafie.

Pandangan dan pungutan suara atau dipanggil referendum telah diadakan dari bulan Februari hingga April pada tahun yang sama. Kesepakatan akhirnya dicapai antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Britain, Harold Macmillan untuk mengadakan suatu rundingan di London.

Rundingan itu berlangsung selama dua (2) minggu sebelum satu perjanjian ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London pada 9 Julai 1963 dan telah ditandatangani oleh wakil-wakil Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

16 September 1963

Pada 16 SEPTEMBER 1963, penggabungan tersebut telah menjadi kenyataan dan lahirlah sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Malaysia. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibuat di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Upacara membaca deklarasi penubuhan Malaysia telah dilakukan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura dan Sabah.

Pengisytiharan yang sama juga turut dilakukan serentak di Jesselton (kini dikenali sebagai Kota Kinabalu), Kuching dan Singapura yang dihadiri oleh pemimpin negeri masing-masing iaitu Tun Mohammad Fuad Stephens, Tan Sri Stephen Kalong Ningkan dan Lee Kuan Yew.

Namun, pada tahun 1965, disebabkan beberapa masalah politik dalaman yang melanda Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura, Singapura telah menarik diri daripada Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara Republik.



JOM BACA E - BUKU

Disediakan oleh: Bahagian Maklumat, ILKAP

E-buku merupakan buku dalam bentuk elektronik yang boleh dimuat turun dan dibaca dengan perisian tertentu. Membaca e-buku mungkin tidak sama dengan membaca senaskhah buku bercetak. Namun, ketersediaan e-buku seharusnya dicapai oleh masyarakat untuk bacaan atau rujukan.

Pelbagai sumber di Internet menyajikan e-buku secara percuma dan ini menjadi alternatif kepada pengguna untuk membaca buku selain meminjam buku di perpustakaan atau membeli buku di kedai buku.





OverDrive

<https://pnm.overdrive.com>

Pangkalan data ini menyediakan lebih 1,000 e-buku merangkumi pelbagai topik yang boleh dipinjam secara dalam talian selama tujuh (7) hari oleh pengguna.

Berikut adalah antara judul e-buku berkaitan dengan undang-undang yang terdapat dalam OverDrive:



- *Abuse of Power* by Tommy Thomas. Strategic Information and Research Development Centre, 2018
- *Anything but the Law* by Tommy Thomas. Strategic Information and Research Development Centre, 2017

- *The Art of Lawyering Essential Knowledge for Becoming a Great Attorney* by Paul M. Lisnek. Sourcebooks, 2010
- *Contemporary Interpretation of Islamic Law* by Ahmed Affi Hassan Affi. Troubador Publishing Ltd, 2014
- *Emerald Guide to The English legal System* by Anthony Chadwick. Straightforward Publishing 2013
- *Law: A Very Short Introduction* by Raymond Wacks. OUP Oxford 2017
- *Law & Public Safety Bright Futures Press World of Work* by Diane Lindsey Reeves. Cherry Lake Publishing, 2017
- *Law for Startups* by Marcus Van Geyzel. MPH Group Publishing Sdn Bhd, 2017
- *Penggunaan Dan Pemilikan Harta Menurut Perspektif Islam* by Bushrah Basiron, Selmah Ahmad Penerbit UTM Press, 2018
- *Public Law : A Straightforward Guide* by Robert Franks, 2014
- *They Broke the Law-You Be the Judge: True Cases of Teen Crime* by Thomas A. Jacobs. Free Spirit Publishing 2011
- *War Law: Understanding International Law and Armed Conflict.* Michael Byers, Grove Atlantic, 2007



"My alma mater was books, a good library....
I could spend the rest of my life reading,
just satisfying my curiosity."

– Malcolm X

E-MEL SPAM

Disediakan oleh: Puan Nor Nazirawati @ Nur Izzati Binti Anang, ILKAP

Apakah itu E-mel Spam?

E-mel spam (*spam email*) atau juga dikenali sebagai *Junk Mail* adalah e-mel yang diterima dan tidak diingini oleh pengguna daripada seseorang yang tidak dikenali di Internet. Kebiasaannya, e-mel spam bertujuan untuk menjual produk dan perkhidmatan atau sebarang maklumat tertentu. Walau bagaimanapun, e-mel spam juga boleh digunakan untuk memulakan penipuan Internet serta menyebarkan virus. Orang yang memulakan e-mel spam digelar sebagai *Spammer*.

Messages that have been in Spam more than 30 days will be automatically deleted. [Delete all spam messages now](#)

☐	☆	» RHB Bank	Take advantage of currency fluctuations for your child's education fund - If you are unable to view this email, please Cli...
☐	☆	» Domino's Pizza Mala.	☎ LAST CALL! Redeem Your FREE* Chicken TODAY 免 - ☐ Chillax.. Let us do the cooking and deliver to you! View this e...
☐	☆	» RHB Bank	Explore world's top fine dining restaurants in Asia - If you are unable to view this email, please Click here At the latest e...
☐	☆	» LAZADA	12 Top Tablet Accessories - Accessorize Your Tablet! Get Yours Now! LAZMART LAZMALL VOUCHERS GLOBAL COLLE...
☐	☆	» RHB Bank	Transact & Win RM3,000 with RHB Mobile Banking App today! - If you are unable to view this email, please Click here St...
☐	☆	» CIMB Malaysia	#Debitjer every Friday and get RM10 voucher at Coffee Bean and Tea Leaf - Terms and Conditions: 1. Payme...   
☐	☆	» Clozette News & Dea.	<ADV> WIN a Pantene Micellar Shampoo Detox set for Clean Scalp & Hair! - Win prizes! View in web browser Clozette P...

Grafik 1: Contoh e-mel spam yang terdapat dalam *Folder Junk Mail*

E-mel spam ini merupakan gangguan kepada pengguna kerana terpaksa menerima e-mel yang tidak dikehendaki sekali gus memberikan kesan negatif terhadap sistem e-mel pengguna. Akaun e-mel pengguna akan dipenuhi dengan e-mel spam yang akan memakan ruang storan dan memperlambatkan sistem e-mel. Pengguna pula terpaksa meluangkan masa untuk mengenal pasti dan menghapuskan e-mel yang tidak diingini tersebut. Selain itu, pengguna juga menghadapi risiko terdedah kepada penyebaran malicious software (malware) seperti virus, worm atau trojan dan aktiviti phishing yang boleh mengakibatkan kehilangan atau kebocoran data penting seperti nama pengguna dan kata laluan sesuatu akaun.

Bagaimana untuk mengenal pasti E-mel Spam?

Bagaimana untuk mengenal pasti E-mel Spam?

Perbezaan utama antara e-mel spam dan e-mel sah adalah faktor persetujuan. Sekiranya pengguna yang meminta untuk mendapatkan e-mel tersebut, maka e-mel tersebut bukanlah e-mel spam. Sebagai contoh, e-mel yang bersifat komersial adalah sah jika pengguna mendaftar langganan 'berita' pada topik tertentu atau untuk menawarkan jenis perkhidmatan tertentu. Begitu juga sekiranya pengguna menerima e-mel yang menjengkelkan daripada kenalan internet, e-mel sedemikian tidak dikategorikan sebagai e-mel spam.



Kenapa
Saya?

E-MEL SPAM

Spammer akan mendapatkan alamat e-mel pengguna dengan:

1. Menggunakan perisian khas untuk mengimbas alamat e-mel melalui enjin carian, laman sesawang atau *newsletter*;
2. Membeli data senarai e-mel daripada pihak ketiga; dan
3. Menggunakan *dictionary attacks* dan mencuba semua kemungkinan kombinasi huruf, nama dan perkataan yang biasa dalam e-mel.

Bagaimanakah cara mengelakkan kesan negatif E-mel Spam?

Pengguna seharusnya bijak dalam menangani e-mel spam dengan mengenal pasti sama ada e-mel yang diterima adalah e-mel spam atau e-mel sah. Pengguna boleh mendapatkan maklumat mengenai e-mel yang mencurigakan dengan:


1. Mengetahui pasti identiti pengirim e-mel dengan membuat carian alamat e-mel tersebut di enjin carian atau membuat capaian ke laman web organisasi sekiranya ada dinyatakan dalam e-mel tersebut;
2. Elakkan daripada membuka e-mel spam sekiranya terdapat keraguan atau mendapati alamat e-mel pengirim tidak dapat disahkan;
3. Membuat semakan bahawa nama pengguna adalah betul kerana kebiasaannya *spammer* hanya meneka nama pengguna;
4. Tidak menekan pautan (*click on the link*) yang diberikan dalam e-mel spam;
5. Menghapuskan e-mel spam tersebut tanpa perlu membuka, membalas atau memanjangkan (*open/ read, reply or forward*) e-mel berkenaan;
6. Tidak sewenang-wenangnya mendedahkan atau memberikan alamat e-mel pengguna;
7. Menanda atau memindahkan e-mel yang telah dikenal pasti sebagai *Junk Email*. Dengan kaedah ini, e-mel sama yang akan diterima nanti akan dipindahkan ke dalam *folder Junk Email* secara automatik, disimpan dalam tempoh yang tertentu dan akan dihapuskan secara automatik apabila tamat tempoh. Tempoh juga boleh ditetapkan bagi memastikan pengguna boleh memeriksa semula e-mel spam tersebut sekiranya terdapat e-mel yang dianggap berguna;
8. Mengetahui pasti *trigger words* yang terdapat dalam tajuk / perkara kepada e-mel (*email subject*) berkenaan, contohnya: 'FREE', 'Guarantee', '\$\$\$', '!', 'Earn More' dan sebagainya; dan

SPAM Trigger words				
% off	Double your income	Great offer	Never	Remove
\$\$\$	Earn \$	Guarantee	No gimmicks	Reverses
100% free	Earn extra cash	Help	No hidden costs	Sample
100% satisfied	Extra income	Hidden	No investment	Satisfaction
Acceptance	Free	Hidden assets	Now only	Satisfaction guaranteed
Accordingly	Fast cash	Increase sales	Obligation	Save \$
Act now	Free	Increase traffic	One hundred percent free	Search engine listings
Affordable	Free gift	Increase your sales	One time	Serious cash
Apply now	Free info	Incredible deal	Opportunity	Solution
Avoid	Free installation	Info you requested	Order now	Special promotion
Billion	Free investment	Lifetime	Order today	Stop
Cash bonus	Free leads	Limited time offer	Please read	Success
Chance	Free membership	Lose	Prices	Test
Cheap	Free offer	Maintained	Problem	Thousands
Click here	Free preview	Make \$	Promise you	Urgent
Compare rates	Free trial	Medium	Refinance	Visit our website
Credit	Get started now	Miracle	Reminder	Web traffic


Grafik 2: Antara contoh *Trigger Words*

E-MEL SPAM

9. Mengaktifkan tapisan e-mel spam secara individu.



Grafik 3: Contoh tapisan e-mel dalam *Google Mail*



Grafik 4: Contoh tapisan e-mel dalam *Microsoft Outlook*

Rujukan Internet:

1. <https://www.mcmc.gov.my/faqs/spam/about-spam>
2. <https://www.yesware.com/blog/email-spam/>

VISIT BY UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP) TO ILKAP

On 14 October 2019 at 11.00 am, the Institute for Judicial and Legal Training (ILKAP) received a visit from the Governance and Institutional Reform Specialist, United Nations Development Program ("UNDP"). On behalf of UNDP, Ms. Nadia Nivin and Ms. Aisyah Razihan visited ILKAP with the aim of discussing potential collaboration between UNDP and ILKAP.

Ms. Nadia Nivin had shared information on the ongoing cooperation with Malaysian Court and afterwards, ILKAP representatives presented and explained the work procedures and training programmes conducted in ILKAP.


At the end of the presentation, a discussion on the method of collaboration and the theme of collaboration for ILKAP and UNDP had also been done. Thereafter, YBrs. Deputy Director General of ILKAP and all attendees accompanied the UNDP representatives to visit ILKAP Executive Hostel. The visit ended with both parties presenting each other a token of appreciation.



VISIT BY LAW DEVELOPMENT CENTRE MANAGEMENT COMMITTEE (GOVERNING COUNCIL) FOR REPUBLIC OF UGANDA TO ILKAP

On 25 October 2019 at 9.30 am, the Judicial and Legal Training Institute (ILKAP) received a benchmarking visit from 16-members from the Law Development Centre Management Committee (Governing Council) for the Republic of Uganda ("LDC Uganda"). Also present was the Chairperson of LDC Uganda who is the Judge of the Supreme Court Uganda. The presence of LDC Uganda to ILKAP is to conduct a benchmarking visit for the purpose of obtaining input for the development of LDC Uganda. YBhg. Dato' Director General of ILKAP along with ILKAP officials accompanied and gave explanation to LDC

Uganda during the visit around the Library, Moot Court 2, lecture class, and ILKAP's Galleria located at ILKAP's Perdana Building. The visit continued around ILKAP's Auditorium and Multipurpose Hall before heading to ILKAP's Executive Building. Presentation Session were then held at the ILKAP's Information and Training Center. The LDC Uganda has thanked ILKAP for accepting their visit with open arms and has taken several inputs in terms of the layout of training venues and the methods of conducting trainings in ILKAP.



VISIT BY THE EMBASSY OF REPUBLIC OF MALDIVES (MALAYSIA) TO ILKAP

On 1 November 2019 at 9.45am, the Institute for Judicial and Legal Training (ILKAP) received a visit from the Embassy of the Republic of Maldives (Malaysia). YBhg. Dato' Director General of ILKAP along with several ILKAP officers accompanied and briefed the Embassy of the Republic of Maldives (Malaysia) during their visit to ILKAP's Galeria and Moot Court 2 located at ILKAP's Perdana Building. The walking visit continued around ILKAP's Auditorium and Multipurpose Hall before heading to ILKAP's Executive Building.

The Presentation Session was held at ILKAP's Information and Training Center. The Embassy of the Republic of Maldives (Malaysia) also discussed in general regarding the collaboration plans with ILKAP in order to train Maldives' judicial and legal officers. H.E. Visam Ali, the Ambassador of the Republic of Maldives (Malaysia) thanked ILKAP for accepting their visit with open arms and hoped that the planned collaboration with ILKAP would be conducted successfully.



VISIT BY THE ACADEMY OF THE PUBLIC ADMINISTRATION (REPUBLIC OF UZBEKISTAN) TO ILKAP

On 3 December 2019, the Institute for Judicial and Legal Training (ILKAP) received a visit from the Academy of the Public Administration (Republic of Uzbekistan) (APA). The aim of the visit was to discuss the potential for collaboration between ILKAP and APA. YBhg. Dato' Director General of ILKAP along with several of ILKAP officers accompanied and provided information during the walkthrough visits around the ILKAP Gallery, Library and Moot Court 2 at the ILKAP Perdana Building. The walkthrough continued

around ILKAP's Auditorium and Multipurpose Hall before the APA was taken to see the facilities at the ILKAP's Executive Building. Presentation sessions on ILKAP and collaborative suggestions were held at the ILKAP's Information and Training Center. APA, led by Professor Atabek Khasanov thanked ILKAP for hosting their visit and hoped that the collaboration discussed with ILKAP would be made possible in 2020.



LAPORAN BICARA INOVASI ILKAP BIL 2. 2019

Pada 28 Jun 2019 jam 3.00 petang, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah melaksanakan sebuah program bertajuk Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2019. Program telah dikendalikan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi yang diadakan di Bilik Siber 1, Bangunan Perdana ILKAP. Agenda pertama dimulakan dengan sesi pembentangan daripada Puan Surina binti Ab. Rahman dengan topik beliau, iaitu *FAST 8 TWO*. Setelah pembentangan beliau selesai, Program diteruskan dengan penerangan ringkas Cik Ainnan binti Mohd Rasid

mengenai hubungan kait antara pemakaian *FAST 8 TWO* dengan pengurusan latihan di ILKAP. Seterusnya, Puan Surina binti Ab. Rahman telah mengendalikan sesi amali menggunakan *FAST 8 TWO* bersama dengan para peserta Program. Program diakhiri dengan sesi pembentangan oleh En Hanif bin Jamaludin berkenaan dengan fasiliti (terutamanya fasiliti/bilik latihan) di ILKAP. Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2019 berakhir dengan jayanya pada jam 5.00 petang.



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

JULAI 2019

Majlis Perhimpunan Bulanan ILKAP Bil. 2/2019
pada 26 Julai 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

JULAI 2019

Slot Khas Majlis Perhimpunan Bulanan ILKAP Bil. 2/2019
Ceramah “Perangi Dadah Tanggungjawab Bersama”
 oleh pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) pada 26 Julai 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

OGOS 2019

**Program Lawatan Pihak Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) Ke ILKAP
pada 19 Ogos 2019**



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

OGOS 2019

**Program Lawatan Pihak Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) Ke ILKAP
pada 19 Ogos 2019**



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

OGOS 2019

**Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-62 (2019) peringkat ILKAP
pada 23 Ogos 2019**



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

OGOS 2019

Karnival Sukan Rakyat Peringkat ILKAP Tahun 2019
pada 23 Ogos 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

OGOS 2019

Karnival Sukan Rakyat Peringkat ILKAP Tahun 2019
pada 23 Ogos 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

SEPTEMBER 2019

Majlis Perhimpunan ILKAP Bil. 2/2019 dan Slot Khas Ceramah DDMS
oleh pegawai MAMPU pada 20 September 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

SEPTEMBER 2019

**Program Mengacau Bubur As-Syura ILKAP
pada 20 September 2019**



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

OKTOBER 2019

**Program Lawatan Penanda Aras Ke Pusat Sumber ILKAP Pihak Akademi Percukaian Malaysia LHDN Ke ILKAP
pada 17 Oktober 2019**



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

NOVEMBER 2019

Kursus Team Building ILKAP 2019
pada 13 hingga 15 November 2019




AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

Kursus Team Building ILKAP 2019
pada 13 hingga 15 November 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

Kursus Team Building ILKAP 2019 pada 13 hingga 15 November 2019



AKTIVITI ILKAP JULAI - NOVEMBER 2019

DISEMBER 2019

**Ceramah Motivasi bersama Personaliti dan Aktiviti *Back to School*
pada 5 Disember 2019**



SIDANG REDAKSI

NAMA	UNIT/SEKSYEN PROGRAM/BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Puan Faradziah binti Kasah	Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Inovasi	Ketua Projek
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Pemantauan Keseluruhan Projek & Editor
YBhg. Dato' Anita binti Harun	Ketua Pengarah ILKAP	Sesi Temu bual
YBrs. Tuan Hamidun bin Datuk Haji Abdul Fatah	Timbalan Ketua Pengarah ILKAP	
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	
Tuan Ahmad Sanusi bin Haji Yahaya	Ketua Penolong Pengarah Program Perundangan	Artikel pihak Program Perundangan
Tuan Mazlan bin Yahya	Pengarah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	Artikel pihak Program PKP
Puan Nazuha binti Dato' Sri Mohd Jai	Ketua Penolong Pengarah Program Kehakiman	Artikel pihak Program Kehakiman
Puan Noraini binti Saidin	Pengarah Bahagian Maklumat	Artikel / Maklumat Sumber berkaitan Perpustakaan
Puan Nor Nazirawati @ Nur Izzati Binti Anang	Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Teknologi Maklumat	Artikel / Makluman / Berita IT
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Laporan Lawatan Pihak Antarabangsa
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Laporan Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2019
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Membuat pemilihan gambar-gambar bagi aktiviti di ILKAP dari Julai-Disember 2019
Puan Salmi binti Abdur Rahman	Penolong Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Pembaca Pruf 1
Puan Noraini binti Saidin	Pengarah Bahagian Maklumat	Pembaca Pruf 2
Puan Noor Ezwanee binti Mohamad	Ketua Penolong Pengarah Program Perundangan	Pembaca Pruf Artikel daripada Bahagian Latihan
Encik Shahrul Firdaus bin Mohd Shahiri	Pereka (Unit Koleksi Bercetak) Bahagian Maklumat	Urusan Grafik (produk akhir)